

19 OCT 1998

Mahathir-Afrika

MAHATHIR UMUM INISIATIF BARU UNTUK BANTU AFRIKA

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 19 Okt (Bernama) -- Satu persidangan penting mengenai bantuan bagi Afrika bermula di sini hari ini dengan pengumuman oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia bersama-sama dengan Perancis dan Jepun telah memulakan satu inisiatif baru untuk membantu benua yang dilanda kemiskinan itu.

Inisiatif tiga pihak itu didasarkan kepada negara-negara Afrika, yang sejak berdekad lamanya menjadi penerima bantuan daripada negara-negara penyumbang, menjadi pemilik kepada pembangunan mereka sendiri dalam benua yang mempunyai 1.2 bilion orang itu yang menurut Dr Mahathir telah "hilang hampir setengah abad".

"Objektif menjalin satu perkongsian berbanding dengan perhubungan antara penderma dan penerima adalah satu pendekatan yang unik yang mana ketiga-tiga negara itu berharap dapat menyumbang untuk menggalakkan pembangunan sosial dan ekonomi benua Afrika," katanya pada perasmian Persidangan Antarabangsa Tokyo mengenai Pembangunan Afrika (TICAD II) kedua di sini.

Persidangan tiga hari itu dihadiri pemimpin dan pegawai kanan dari 52 negara Afrika, Asia, Amerika Utara dan Eropah. Negara-negara Asia seperti China, Malaysia, Korea Selatan, Filipina, Thailand dan Indonesia mengambil bahagian buat pertama kalinya dalam persidangan itu.

Dr Mahathir berkata Jepun, Perancis dan juga Malaysia mampu untuk membantu negara-negara Afrika dalam mengatasi kekurangan mereka terutama menerusi pembabitan sektor swasta.

Mereka boleh membantu menubuhkan industri yang mewujudkan pekerjaan kerana rakyat Afrika sangat mahir, sama seperti cara Jepun membantu Malaysia untuk menjadi makmur semasa mereka datang ke Malaysia untuk melabur.

"Sebagai bonus negara Malaysia yang makmur telah menjadi pasaran yang baik bagi barangan Jepun. Oleh itu manfaat bagi mereka yang menghulurkan bantuan untuk membangunkan negara-negara lain adalah dua kali ganda. Manfaatnya juga adalah untuk dikongsi bersama. Ia adalah satu usahasama yang menguntungkan kedua-dua pihak," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata di Afrika, dengan sedikit perubahan haluan, kemahiran asas itu boleh bertukar menjadi kemahiran perindustrian.

Katanya industri-industri boleh berkembang di Afrika kerana mereka telah mencapai kejayaan di negara-negara di Asia, termasuk di Asia Tenggara.

"Sebagaimana Jepun meraih manfaat daripada kemakmuran Malaysia, Jepun dan Perancis akan juga meraih lebih banyak manfaat daripada pembangunan dan kemakmuran Afrika. Afrika kaya dengan sumber asli dan kehadiran sumber-sumber itu telah menarik bangsa Eropah di masa lampau, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga gembira kerana sebahagian daripada negara-negara Afrika kini semakin aman dan kerajaan mereka berminat dalam membangunkan negara masing-masing dan rakyat jelata tetapi menghadapi masalah disebabkan oleh kemiskinan dan kurangnya pengalaman dan kepakaran.

Beliau berkata kekacauan selepas kemerdekaan berlaku lebih lama di Afrika berbanding di Asia tetapi di seluruh Afrika pada masa ini ada keinginan untuk memberikan kepada rakyat mutu kehidupan yang sepatutnya mereka nikmati sebagai bangsa yang bebas dan merdeka.

Afrika mempunyai keinginan tetapi tidak memiliki kemahiran dan sumber

dan negara-negara Asia harus menghulurkan bantuan kerana bukan sahaja ia tidak membabitkan kos yang banyak, bahkan mereka akan meraih manfaat berlipat ganda kelak.

Mengenai persidangan mengenai bantuan bagi Afrika yang diusahakan oleh Jepun itu, susulan kepada TICAD I yang diadakan lima tahun lalu, Dr Mahathir berkata minat baru yang ditunjukkan oleh Jepun terhadap benua itu sangat dialu-alukan.

Beliau berkata rakyat Afrika, Asia dan begitu juga Eropah akan meraih manfaat daripada kestabilan dan kemakmuran Afrika yang dihasilkan menerusi usaha-usaha kerjasama ketiga-tiga benua itu.

Dr Mahathir menggesa negara-negara yang menyertai persidangan itu supaya memberi tumpuan kepada Afrika kerana semua pihak akan menikmati faedah daripada sebuah benua Afrika yang makmur.

Selepas ucapannya bagi pihak Asia, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan tiga duta Malaysia di Asia Timur, Duta ke Jepun Tan Sri Khatib Abdul Hamid, Duta ke China Datuk Abdul Majid Khan dan Duta ke Korea Selatan V. Yoogalingam.

Khatib berkata Dr Mahathir memaklumkan kepada mereka mengenai perkembangan terbaru berhubung ekonomi dan politik tanahair.

Terdahulu ketika merasmikan persidangan itu, Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi berkata angin perubahan sedang bertiup kencang ke seluruh Afrika kerana berakhirnya Perang Dingin telah membawa pendemokrasian dan ekonomi berasaskan pasaran yang telah mencetuskan kesan positif kepada benua itu.

Beliau berkata hampir 20 negara Afrika kini mencapai pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) di sekitar lima peratus dan kebanyakan negara dapat mengadakan pilihan raya yang bebas yang didasarkan kepada sistem pelbagai parti.

Bagaimanapun, Obuchi berkata kemiskinan masih berleluasa dan konflik di antara negara di benua itu, pertelingkahan etnik dan penghijrahan pelarian kembali berlaku.

"Masalah-masalah ini mengancam keamanan dan kestabilan yang merupakan prasyarat bagi pembangunan yang berterusan. Ini merupakan kebimbangan bukan sahaja kepada negara-negara Afrika tetapi juga kepada masyarakat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata walaupun Jepun, penyumbang bantuan terbesar di dunia, menghadapi masalah ekonomi dan kewangan, ia akan terus memainkan peranan utama bagi kerjasama pembangunan di Afrika terutama dalam menyediakan keperluan asasi seperti pendidikan rendah, penjagaan kesihatan dan perubatan dan bekalan air bersih.

Obuchi berkata peranan kritikal sektor swasta harus diberikan pengiktirafan bagi pembangunan Afrika dan untuk menjalin pertumbuhan sektor swasta di benua itu, terutama menerusi galakan perdagangan dan pelaburan dari Asia.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan, yang akan menutup persidangan itu Rabu ini, dalam perutusannya berkata Afrika telah mencapai satu titik perubahan dalam sejarahnya.

"Selepas satu era penyahjajahan dan satu tempoh yang menyaksikan berlakunya perang saudara, pemerintahan tentera dan ekonomi yang tidak berkembang, Afrika kini kembali menikmati keamanan, demokrasi, hak asasi manusia dan pembangunan yang berterusan," katanya.

-- BERNAMA

AU AKD